

25/05/2000

Bicara kes rayuan Anwar 5 Jun

KUALA LUMPUR, Rabu - Mahkamah Rayuan menetapkan 5 Jun ini untuk perbicaraan kes rayuan Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk mengetepikan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Ariffin Jaka berhubung kehadiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai saksi pembela.

Semalam, Anwar memfailkan petisyen rayuan dengan mengemukakan 11 alasan kesilapan Ariffin.

Beliau melalui peguam belanya, S N Nair juga memfailkan permohonan perakuan segera untuk mendapat tarikh awal perbicaraan bagi mengelakkan kelewatan perbicaraan kes liwat membabitkan Anwar dan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja terhadap Azizan Abu Bakar.

Ariffin pada 21 April lalu, memutuskan bahawa Dr Mahathir tidak perlu hadir sebagai saksi pembela untuk memberi keterangan dalam perbicaraan kes liwat Anwar.

Katanya, mahkamah mendapati tindakan memanggil Perdana Menteri untuk memberi keterangan pada perbicaraan itu adalah satu proses penyalahgunaan mahkamah.

Sehubungan itu, katanya, menjadi tanggungjawab mahkamah untuk menghalang penyalahgunaan itu.

Anwar, 53, dan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, 39, dituduh meliwat Azizan Abu Bakar di unit nombor 10-7-2, pangsapuri Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar, pada satu malam jam 7.45, antara Januari hingga Mac 1993.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

(END)